PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA









# LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA




United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

KUALA LUMPUR Ibu Kota Buku Dunia 2020

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

SEMARAK JAWI

www.pnm.gov.my PerpustakaanNegaraMalaysia PNM_Rasmi pnm_rasmi pnmytube PNMrasmi pnmsaluransosial2

**Laporan Program Galakan Membaca 2020**
**Perpustakaan Negara Malaysia**

2020 © Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia
LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA
E-ISSN 2710-639X 1. Reading Promotion—Malaysia.
2. Reading interest—Malaysia.
3. Book and reading—Malaysia.
I. Perpustakaan Negara Malaysia 028.909595

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**
**232 JALAN TUN RAZAK**
**50572 KUALA LUMPUR**
**TEL: 03-2687 1700**

eISSN 2710-639X
9 772710 639009

# ISI KANDUNGAN


PRAKATA KETUA PENGARAH 1

DASAR PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2

PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 3

I). *Read Me A Book*: ASEAN-ROK *Is Reading* 4-20

II). Pertandingan Penulisan 'Menempuh Covid-19: Suatu Pengalaman' 21-23

III). Jom Baca Bersama 2020 24-28

IV). Membaca Perdana: Ekpresi Minda 29-31

PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 32-44

PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI 45-51

PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 52-54

PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PNM 55-59

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA KEBANGSAAN 60-62

# *Prakata Ketua Pengarah*




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak urus setia atas penerbitan Laporan Galakan Membaca 2020. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan sentiasa komited terhadap usaha menggalakkan serta melahirkan masyarakat Malaysia yang membaca dan celik ilmu pengetahuan walaupun pada tahun ini kita diuji dengan pandemik Covid-19. Suasana norma baharu ini tidak menghalang kita untuk melaksanakan pelbagai program secara dalam talian sebagai usaha menjadikan Malaysia negara berbudaya membaca sempena persiytiharan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020.

Program galakan membaca sama ada dari aspek penganjuran program atau promosi melalui media sosial dan medium media massa lain hendaklah lebih kreatif dan interaktif dan inovatif agar dapat menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terutamanya generasi muda. Program dan pengisian program juga hendaklah selari dengan keadaan norma baharu dan isu-isu semasa yang boleh menjadi daya tarikan masyarakat untuk menyertainya.

Penerbitan Laporan Galakan Membaca 2020 merupakan usaha Perpustakaan Negara Malaysia mengumpulkan maklumat program galakan membaca sebagai rujukan semua pihak bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membaca.
Harapan saya agar laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam melaksanakan pelbagai program galakan membaca yang menarik dan berkesan pada masa depan seterusnya dapat melahirkan masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

**PUAN MAIZAN BINTI ISMAIL**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

**DASAR GALAKAN MEMBACA**
**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

‘Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu’

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu: “menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.”

# Program Galakan Membaca

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Program *Read Me A Book: ASEAN-ROK Is Reading* merupakan satu program galakan membaca yang menggunakan mekanisme *read aloud* atau *storytelling* kepada kanak-kanak dan pencerita perlu memakai apron kuning. Program ini merupakan program kerjasama galakan membaca yang diterajui oleh *National Library for Children and Young Adults (NLCY)*, Repulik Korea dan 9 buah Perpustakaan Negara ASEAN iaitu Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam. Tujuan utama program ini ialah bagi menggalakkan budaya membaca dalam kalangan negara-negara ASEAN dan Republik Korea. Tempoh pelaksanaan program ini bermula dari 15 Januari 2020 sehingga 23 April 2020 (cabaran membaca selama 100 hari). Kemuncak program pada 23 April 2020 sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

*Kick-off* program *Read Me A Book: ASEAN-ROK Is Reading* telah disempurnakan oleh Puan Siti Aishah Sh. Ab. Kadir, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Pengisian kick-off ialah sesi bercerita dan read aloud bersama pustakawan PNM. Malaysia telah menjuarai cabaran ini dengan jumlah penyertaan seramai 15,424.

**Pelaksanaan Program:**

I.Pencerita perlu memakai apron kuning yang dibekalkan oleh *National Library for Children's and Young Adults,* Korea melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sahaja apabila menjalankan sesi 'read aloud' atau sesi bercerita.
II.Mengambil gambar atau klip video pencerita/ sukarelawan yang menjalankan aktiviti *read aloud/ story telling.*
III.Muat naik gambar atau klip video di Instagram dan tag pnm_rasmi (Instagram Rasmi Perpustakaan Negara Malaysia)
IV.Tag gambar atau video menggunakan semua 4 tanda pagar (#) wajib iaitu :
#readmeabook_yellowapron
#aseanrokisreading_ malaysia
#yellowapron_hashtagchallenge
#perpustakaannegaramalaysia

**GALERI SEKITAR PROGRAM**

***READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING***

Majlis *Kick- Off* Program



Gimik Majlis *Kick- Off* disempurnakan oleh YBrs. Puan Siti Aishah Sh. Ab. Kadir, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia




Sesi Bercerita Bersama YBrs. Puan Siti Aishah Sh. Ab. Kadir, Timbalan Ketua Pangarah, Perpustakaan Negara Malaysia




Sesi bercerita bersama Puan Nasimah Badaruddin



Sesi bercerita bersama Puan Norliza Nordin

**GALERI SEKITAR PROGRAM**

***READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING***

Majlis *Kick- Off* Program



Sesi bercerita bersama
Puan Fatimah Abdul Hai



Sesi bercerita bersama
Puan Sofia Osman



Sesi bercerita bersama
Encik Sahril Lariwoo



Sesi bercerita bersama
Puan Anis Mat Saad




Sesi bercerita bersama
Puan Junaidah Rosliy



Sesi bercerita bersama
Puan Nur Amirah Anuar

**GALERI SEKITAR PROGRAM**

***READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING***

Sesi *Read Me A Book* bersama Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia



# GALERI SEKITAR PROGRAM

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Sesi *Read Me A Book* bersama Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia



**GALERI SEKITAR PROGRAM**

***READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING***

Sesi *Read Me A Book* bersama Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia











## GALERI SEKITAR PROGRAM
## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Sesi *Read Me A Book* bersama Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia











## GALERI SEKITAR PROGRAM
## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan individu.









## GALERI SEKITAR PROGRAM

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan individu.















## GALERI SEKITAR PROGRAM
## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan individu.














## GALERI SEKITAR PROGRAM

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan individu.















**GALERI SEKITAR PROGRAM**

***READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING***

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan individu.















## GALERI SEKITAR PROGRAM

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan individu.

















## GALERI SEKITAR PROGRAM

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan individu.













## GALERI SEKITAR PROGRAM
## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan individu.



## GALERI SEKITAR PROGRAM
## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Penglibatan pelbagai sektor perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sekolah dan individu.














Sukarelawan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

# GALERI SEKITAR PROGRAM

## *READ ME A BOOK: ASEAN-ROK IS READING*

Pencapaian program dan poster program


















## PERTANDINGAN MENEMPUH COVID-19: SUATU PENGALAMAN

Pertandingan ini merupakan satu program yang diadakan sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh kerajaan bermula pada 18 Mac 2020 kerana penularan wabak Covid-19 di seluruh negara yang semakin serius. Objektif pertandingan ini ialah untuk berkongsi pengalaman suka duka, emosi dan pengetahuan mengenai Covid-19 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mencungkil bakat menulis dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda dan menggalakkan budaya membaca melalui pencarian maklumat yang tepat berkaitan isu-isu semasa.

Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori A (pelajar berumur 13-17 tahun) dan kategori B (umum berumur 18 tahun ke atas). Pertandingan berlangsung pada 28 Mac 2020 hingga 31 Mei 2020. Seramai 838 penyertaan diterima menyertai pertandingan ini iaitu 320 orang kategori A dan 518 orang kategori B. Buku Kompilasi Penulisan Menempuh Covid-19: Suatu Pengalaman juga telah diterbitkan pada November 2020.







Buku Kompilasi Penulisan Menempuh Covid-19 Suatu Pengalaman

## Poster Promosi Dan Syarat Penyertaan



## SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN






**PROGRAM JOM BACA BERSAMA 2020**

Program Jom Baca Bersama 2020 telah diadakan pada 23 April 2020 (Khamis) bermula jam 10.30 sehingga 11.00 pagi. Program ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini telah diangkat sebagai satu program utama PNM sempena Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan juga Dekad Membaca Kebangsaan. Program diadakan memenerusi siaran langsung secara dalam talian di facebook Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 1,389,774 orang telah menyertai program ini diseluruh negara.

**Pengisian Program**

**i. Sesi Bacaan Kegemaran Saya (BKS)**

BKS ini disampaikan oleh pemenang anugerah NILAM Peringkat Kebangsaan bagi kategori Bahasa Melayu iaitu adik Alyaa Izzaty Rozis (Sekolah Rendah) dan Muhammad Farees Ashraf Nuh (Sekolah Menengah).

**ii. Persembahan Pantun dan Puisi Pembacaan**

Persembahan ini disampaikan oleh Tuan Asri Husin, Setiausaha Agung Persatuan Penyair Malaysia telah mendeklamasikan sajak bertajuk 'Aku Berikan Kau Buku' dan Ahmad Fedtri Yahya, personaliti TV serta selebriti tanah air telah menyampaikan pantun bertajuk 'Pantun Ilmu dan Jiwa'.

**iii. Ucapan Jom Baca Bersama 2020**

Ucapan 'Jom Baca Bersama 2020' disampaikan oleh YBrs. Puan Maizan Ismail, (Ketua Pengarah PNM), YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat (Ketua Setiausaha) dan YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

**iv. Sesi Membaca Serentak 'Jom Baca Bersama' (Let's Read Together)**

Sesi membaca bersama secara senyap telah dijalankan bermula jam 11.00 pagi sebagai simbolik kepada program ini. Konsep Jom Baca Bersama ini dilaksanakan dengan konsep duduk di rumah, baca di rumah kerana program ini diadakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP). Sebagai tanda sokongan dalam menjayakan program ini dan menyemarakkan budaya membaca semua Rakyat Malaysia yang terlibat dimohon berkongsi gambar atau video membaca di media sosial dengan menggunakan tanda pagar #jombacabersama2020. Jumlah keseluruhan peserta yang terlibat dalam program ini di seleuruh Malaysia ialah seramai 1,389,774 orang.

# PROGRAM JOM BACA BERSAMA 2020

Jumlah Penyertaan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2020
Mengikut Negeri

| BIL. | NEGERI | JUMLAH PENYERTAAN |
|---|---|---|
| 1 | Johor | 68,926 |
| 2 | Kedah | 41,938 |
| 3 | Kelantan | 64,080 |
| 4 | Melaka | 71,386 |
| 5 | Negeri Sembilan | 68,766 |
| 6 | Pahang | 35,136 |
| 7 | Perak | 34,550 |
| 8 | Perlis | 11,108 |
| 9 | Pulau Pinang | 241,541 |
| 10 | Sabah | 253,493 |
| 11 | Sarawak | 31,159 |
| 12 | Selangor | 102,752 |
| 13 | Terengganu | 10,800 |
| 14 | W. P. Kuala Lumpur | 13,340 |
| 15 | Perpustakaan Negara Malaysia | 340,779 |
| | **JUMLAH** | **1,389,774** |

**STATISTIK PERBANDINGAN**
**PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT MENGIKUT TAHUN**






## GALERI PROGRAM JOM BACA BERSAMA 2020

Antara Suasana Membaca Di Rumah oleh Rakyat Malaysia
Yang Menyertai Program Jom Baca Bersama 2020





# GALERI PROGRAM JOM BACA BERSAMA 2020

Poster Program Jom Baca Bersama 2020




Poster atur cara Program Jom Baca Bersama 2020







Poster terima kasih atas penyertaan Program Jom Baca Bersama 2020
Sumber:Media sosial rasmi Perpustakaan Negara Malaysia

**PROGRAM MEMBACA PERDANA: EKPRESI MINDA 2020**

Program Membaca Perdana: Ekpresi Minda 2020 merupakan program pembacaan yang melibatkan pelbagai aktiviti galakan membaca untuk memperkasakan budaya membaca. Program ini dilaksanakan sepanjang bulan Julai. Pengisian Program ialah seperti berikut:

- Bacaan Kegemaran Saya
- Ceramah Speed Reading
- Ceramah Terapi Jiwa: Kaedah Biblioterapi
- Cabaran Minda Kreatif
- Demo Bersama Dr. Buku
- Bengkel Teknik Bercerita Dalam Talian
- Pertandingan Ulasan Buku Dalam Talian: Harapan Di Manakah Kamu?

**1. Ceramah Terapi Jiwa: Kaedah Biblioterapi**

Ceramah Terapi Jiwa: Kaedah Biblioterapi telah diadakan pada 16 Julai 2020 bertempat di Bilik Syarahan, Anjung Bestari. Ceramah ini disampaikan oleh Puan Rafidah Abdul Aziz, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) merangkap Presiden Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA). Seramai 44 orang telah menghadiri ceramah ini secara bersemuka. Manakala 3,090 peserta mengikuti siaran langsung menerusi facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.



## PROGRAM MEMBACA PERDANA: EKPRESI MINDA 2020

### Siaran Langsung Bacaan Kegemaran Saya Bersama Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin




Bacaan Kegemaran Saya Bersama Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin telah diadakan pada 17 Julai 2020 menerusi siaran langsung di facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 99 penonton maya telah mengikuti siaran langsung ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah 3,900.

### Siaran Langsung Ceramah Bacaan Pantas




Ceramah Bacaan Pantas telah diadakan pada 27 Julai 2020 melalui siaran langsung di facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Yazid, Pustakawan University Sains Islam Malaysia (USIM). Seramai 122 orang turut serta menyaksikan siaran langsung ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah 1,512.

### Bacaan Kegemaran Saya Bersama Dr. Soo Winnci




Bacaan Kegemaran Saya Bersama Dr. Soo Winnci telah diadakan pada 29 Julai 2020. Sesi ini juga diadakan secara dalam talian melalui siaran langsung di facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Beliau telah berkongsi buku kegemaran beliau yang bertajuk Sun Tzu For Women: The Art of War for Winning in Business. Seramai 74 orang telah menonton secara langsung sesi ini dan jumlah keseluruhan tontontan ialah 1,394.

## PROGRAM MEMBACA PERDANA: EKPRESI MINDA 2020

### Cabaran Minda Kreatif Siri Ke-2: Jejak Kata Koleksi Manuskrip Melayu

Cabaran Minda Kreatif ini diadakan pada 11-31 Julai 2020 melalui laman facebook dan istagram rasmi Perpustakaan Negara Malaysia dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Peserta hanya perlu memberikan jawapan yang betul beserta slogan kreatif diruangan komen. Peserta yang memberi jawapan yang betul dan slogan paling kreatif dikira sebagai pemenang. Seramai 46 orang telah menyertai cabaran ini.







### Pertandingan Ulasan Buku Dalam Talian: Harapan Dimanakah Kamu?

Pertandingan ulasan buku ini telah diadakan pada 2 Julai 2020 hingga 12 Ogos 2020 dan terbuka kepada kanak-kanak berumur 9-12 tahun sahaja. Seramai 74 orang peserta telah menyertai pertandingan ini.Pertandingan ini diadakan melalui media sosial iaitu setiap peserta perlu memuat naik hantaran video ulasan buku ke laman facebook atau instagram.






# Literasi Media dan Maklumat

**PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA@PNM MAYA**

Program Literasi Media dan Maklumat Perdana@PNM Maya diadakan bersempena sambutan *Global Media and Information Literacy Week* oleh UNESCO pada 24-31 Oktober setiap tahun. Sambutan ini bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan kemahiran literasi maklumat dalam kalangan rakyat Malaysia dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan Literasi Media dan Maklumat dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih. Pada tahun ini, program ini diadakan secara dalam talian menerusi media sosial rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Sebanyak 7 pengisian program telah dilaksanakan sepanjang minggu Literasi Media dan Maklumat Perdana@PNM Maya pada tahun 2020.

**PENGISIAN PROGRAM**

**I. Kuiz Intelek LMM**
Kuiz ini dibahagikan kepada 3 tahap iaitu, tahap asas, pertengahan dan tahap lanjutan. Seramai 1,386 orang telah menyertai kuiz ini.

**II. Diskusi Literasi Media dan Maklumat: Kemahiran dan Literasi Dalam Membendung Berita Palsu.**
Sesi ini telah diadakan menerusi siaran langsung di facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan disampaikan oleh Encik Yazid Ibrahim, Pustakawan PNM. Diskusi ini mendapat 6,645 tontonan di facebook.

**III. Demonstrasi Portal u-Pustaka**
Demonstrasi juga telah dilaksanakan secara siaran langsung di facebook PNM dan disampaikan oleh Encik Zahuddin Sidek, Pustakawan PNM. Demonstrasi ini mendapat sebanyak 7,582 tontonan di facebook.

**IV. Bicara Literasi Media dan Maklumat: Kepentingan Literasi Maklumat Dalam Institusi Pendidikan dan Organisasi.**
Sesi ini disampaikan oleh Dr. Nor Edzan Che Nasir, Mantan Ketua Pustakawan Universiti Malaya menerusi siaran langsung di facebook Perpustakaan Negara Malaysia. Bicara ini mendapat 3,865 tontonan di facebook.

**V. Segmen Kenali Sumber Rujukan**

Segmen ini diadakan dengan memuat naik maklumat mengenai sumber rujukan di laman social rasmi PNM dan juga lama sesawang PNM. Segmen ini telah dikongsikan sebanyak 1,815 dan sebanyak 2,705 orang melihat hantaran segmen ini di media sosial rasmi PNM.

**VI. Segmen In4skill**

Segmen ini diisi dengan aktiviti interaktif iaitu pantun Literasi Media dan Maklumat (LMM) dan bina kata di facebook dan instagram rasmi PNM. Sebanyak 302 penyertaan telah diterima menyertai segmen ini.

**VII. Pameran Maya Literasi Media dan Maklumat**

Pameran ini merupakan pameran interaktif yang memuatkan pelbagai maklumat mengenai Literasi Media dan Maklumat serta boleh dilayari melalui http://pameranmaya.pnm.gov.my/. Sebanyak 923 pengunjung maya telah mengunjungi pameran ini

## POSTER PROGRAM

## KENALI SUMBER RUJUKAN















## POSTER PROGRAM

## KENALI SUMBER RUJUKAN















**POSTER PROGRAM**




al



## POSTER PROGRAM












## PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 2021

| BIL. | TARIKH | KUMPULAN SASAR | JUMLAH MASA | PENGANJUR/ TEMPAT | PENCERAMAH/ FASILITATOR | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 12.2.2020 | Kakitangan Kerajaan<br><br>Kursus Khas Literasi Media dan Maklumat Pegawai Wilayah Perpustakaan Desa | 2 jam | Bilik Komputer, Aras 5 PNM | Anis Mat Saad | 10 |
| 2. | 25.2.2020 | Pelajar kolej<br><br>Taklimat LMM kepada pelajar Kolej Vokasional Kuala Selangor | 3 jam | Dewan Lestari Kolej Vokasional Kuala Selangor | Norhamizah Mohammad Hanopiah | 200 |
| 3. | 28.2.2020 | Pengawas Pusat Sumber Sekolah dan Guru Perpustakaan<br><br>Taklimat LMM Pengawas Pusat Sumber Sekolah dan Guru Perpustakaan SMK Dusun Nanding | 2 jam | Makmal Komputer, SMK Dusun Nanding | Syarifah Azmirina Syed Baniamin | 30 |
| 4. | 4.3.2020 | Pelajar Kolej dan Pensyarah<br><br>Bengkel LMM Pelajar dan pensyarah KLMUC (Kuala Lumpur Metropolitan University College) | 1 hari | The Metropolitan, Wisma Sachdev, KLMUC | Zuliana Abd Rashid | 100 |

## PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 2021

| BIL. | TARIKH | KUMPULAN SASAR | JUMLAH MASA | PENGANJUR/ TEMPAT | PENCERAMAH/ FASILITATOR | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | 11-12 Mac 2020 | Kakitangan Kerajaan<br><br>Bengkel Literasi Media dan Maklumat kepada petugas-petugas gunasama Perpustakaan Negara Malaysia di negeri Sabah | 2 hari | Intan Kampus Sabah | Adam Zulkarnanin Saleng<br>Muhammad Redhuan Ramli | 40 |
| 6. | 11-12 Mac 2020 | Pustakawan dan Pegawai Gunasama PNM<br><br>Bengkel TOT LMM kepada Pustakawan dan petugas gunasama Perpustakaan Negara Malaysia | 2 hari | Bilik Syarahan 2,Anjung Bestari PNM | Junaidah Rosliy<br>Norhamizah Mohammad Hanopiah | 30 |
| 7 | 18 Julai 2020 | Orang awam<br><br>Bicara PPM2U Siri 1: Literasi Maklumat | 1 jam | Siaran langsung facebook | Yazid Ibrahim | 2,200 *views* |



## PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 2021

| BIL. | TARIKH | KUMPULAN SASAR | JUMLAH MASA | PENGANJUR/ TEMPAT | PENCERAMAH/ FASILITATOR | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 8. | 23 Julai 2020 | Kakitangan Kerajaan<br><br>Bengkel Literasi Media dan Maklumat kepada kakitangan di Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) | 1 hari | Mini Auditorium NAHRIM | Adam Zulkarnanin Saleng<br>Suhaida Mohamad | 35 |
| 9. | 10 September 2020 | Guru SJK (T) Fes Serdang<br><br>Program Literasi Media dan Maklumat | 3 jam | Google Classroom SJK (T) Fes Serdang | Syarifah Azmirina Syed Baniamin | 36 |
| 10. | 23 September 2020 | Orang Awam<br><br>Minggu Digital PNM : Taklimat LMM (Segmen Borak Digital@u-Pustaka) | 1 jam | FB Live | Zuliana Ab. Rashid | 1952 (Online)<br>33 (Fizikal) |
| 11. | 23 September 2020 | Kakitangan Hospital Kuala Lumpur<br><br>Bengkel TOT Literasi Media dan Maklumat | 1 hari | HKL | Yazid Ibrahim | 10 |

**PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 2021**

| BIL. | TARIKH | KUMPULAN SASAR | JUMLAH MASA | PENGANJUR/ TEMPAT | PENCERAMAH/ FASILITATOR | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12. | 26 September 2020 | Golongan Bekeperluan Khas<br><br>Program Semarak Ilmu, Teduhan kasih I: Taklimat LMM | 2 jam 30 Minit | Rumah Titian Kaseh, Titiwangsa | Junaidah Rosliy Suhaida Mohamad | 30 |
| 13. | 3 Oktober 2020 | Golongan Bekeperluan Khas<br><br>Program Semarak Ilmu Titian Kasih II: Taklimat LMM | 2 jam 30 minit | Rumah anak-anak yatim Ummi Selangor | Nor Azlin Sahamed | 20 |
| 14. | 26 Oktober 2020 | Orang Awam<br><br>Diskusi Literasi Media dan Maklumat: Kemahiran Literasi Media dan Maklumat Dalam Membendung Berita Palsu | 1 jam 30 minit | FB Live | Yazid Ibrahim | 6,645 *(Online)* |
| 15. | 28 Oktober 2020 | Orang Awam<br><br>Bicara Literasi Media dan Maklumat 'Kepentingan Literasi Maklumat Dalam Institusi Pendidikan dan Organisasi' | 1 jam 30 minit | FB Live | YBrs Dr., Nor Edzan Che Nasir | 3,865 *(Online)* |

## PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 2021

| BIL. | TARIKH | KUMPULAN SASAR | JUMLAH MASA | PENGANJUR/ TEMPAT | PENCERAMAH/ FASILITATOR | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 16. | 10 Disember 2020 | Pensyarah, pelajar UiTM Puncak Perdana dan orang awam<br><br>Bicara LMM : Kepentingan Literasi Maklumat dalam Institusi Pendidikan dan perkongsian mengenai u-Pustaka | 1 Jam 30 Minit | Webinar Webex | Nor Shamsinar Binti Baharom | 122 *(Online)* |
| **JUMLAH PESERTA FIZIKAL** | | | | | | **574** |
| **JUMLAH PESERTA ONLINE** | | | | | | **14,784** |
| **JUMLAH PESERTA KESELURUHAN SEHINGGA 2020** | | | | | | **15,358** |

Nota Rujukan:

Program TOT

Taklimat/Ceramah/ - Program LMM yang dikendalikan dalam tempoh kurang dari 3 jam

Bengkel/Kursus/Kem - Program LMM yang dikendalikan dalam tempoh 4 jam sehingga 3 hari (maksimum)



## STATISTIK RINGKAS LMM 2020

| KATEGORI | SASARAN | | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|
| | BILANGAN PROGRAM | BILANGAN PESERTA | BILANGAN PROGRAM | BILANGAN PESERTA |
| LMM UMUM | 25 | 2,100 | 12 | 15,178 |
| LMM TOT | 5 | 300 | 4 | 180 |
| **JUMLAH :** | **30/15 (PKP)** | **2400/700(PKP)** | **16** | **15,358** |



# Program Pembudayaan Tulisan Jawi

## KARNIVAL SEMARAK JAWI MAYA 2020

Karnival Semarak Jawi merupakan program utama/teras Pembudayaan Tulisan Jawi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) semenjak tahun 2011. Program ini telah diadakan pada 24- 25 November 2020. Manakala pengisian program dalam bentuk pertandingan pula berlangsung pada 24 November 2020 hingga 24 Disember 2020. Pada tahun 2020, Karnival Semarak Jawi diadakan secara maya menerusi facebook dan instagram rasmi Perpustakaan Negara Malaysia kerana penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada masa ini. Objektif utama karnival ialah bagi memartabatkan tulisan jawi sebagai khazanah warisan bangsa dan mendekatkan masyarakat dengan tulisan jawi. Seramai 78,280 penyertaan karnival ini.

| BIL. | TARIKH | PERKARA | PENYERTAAN |
|---|---|---|---|
| 1 | 24. 11. 2020 | Bicara Jawi 'Jawi: Indahnya Warisan Kita' | 15,035 *views* |
| 2 | 24. 11. 2020 | Bengkel Asas Tulisan Jawi Siri 1 | 23,733 *views* |
| 3 | 25.11.2020 | Bengkel Asas Tulisan Jawi Siri 2 | 25,061 views |
| 4 | 25.11.2020 | Ceramah Kod Jawi | 13,902 views |
| 5 | 24-27 November 2020 | Pertandingan Reka Inovasi Jawi | 329 orang |
| 6 | 24 November- 24 Disember 2020 | Pertandingan Pantun Jawi | 87 orang |
| 7 | 24 November- 24 Disember 2020 | Pertandingan Doodle Jawi | 133 orang |
| | | **JUMLAH** | **78,280** |

# POSTER PROMOSI PROGRAM KARNIVAL SEMARAK JAWI MAYA 2020




Poster utama pengisian  Karnival Semarak Jawi Maya




Poster Pertandingan Pantun Karnival Semarak Jawi Maya




Poster Pertandingan Reka Inovasi Jawi, Karnival Semarak Jawi Maya




Poster Pertandingan Reka Inovasi Jawi, Karnival Semarak Jawi Maya

# POSTER PROMOSI PROGRAM KARNIVAL SEMARAK JAWI MAYA 2020




Poster Bengkel Asas Tulisan Jawi, Karnival Semarak Jawi Maya




Poster Bicara Jawi, Karnival Semarak Jawi Maya




Poster Ceramah Kod Jawi




Gambar untuk Pertandingan Reka Inovasi Jawi

## PEMENANG PERTANDINGAN DOODLE JAWI



Kategori A: Dinaa- Tempat Pertama



Kategori B: Fatimah Omar- Tempat Pertama



Kategori A: Ain Wani- Tempat Ke-2



Kategori B: Nova Art- Tempat Ke-2



Kategori A: Anaz Azizmi- Tempat Ke-3




Kategori B: Nur Nilam Sari- Tempat Ke-3

## PEMENANG PERTANDINGAN *DOODLE* JAWI






## RINGKASAN PROGRAM SEMARAK JAWI 2020

| BIL. | PROGRAM/AKTIVITI | JUMLAH PENGISIAN/SIRI | JUMLAH PENYERTAAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Ceria Mewarna Jawi Sempena Festival KLWBC | 3 | 60 |
| 2 | Uji Jawi Dalam Talian | 38 | 1,921 |
| 3 | Bengkel Pengkaedahan Tulisan Jawi | 3 | 7,987 |
| 4 | Karnival Semarak Jawi Maya | 7 | 78,280 |
| 5 | Klinik Jawi di IKIMfm | 29 | 77,412 |
| 6 | **JUMLAH** | **80** | **165,660** |



# Program Galakan Membaca Perpustakaan Awam Negeri

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM JOHOR

PPAK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH

PERPUSTAM

PPAP
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PERLIS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
PULAU PINANG

PPAS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
SABAH STATE LIBRARY

PUSTAKA
NEGERI
SARAWAK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU

PERBADANAN LABUAN
LABUAN CORPORATION

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

## STATISTIK PROGRAM PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 2020

| BIL | NEGERI | JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI | JUMLAH PENYERTAAN KHALAYAK |
|---|---|---|---|
| 1 | Johor* | 63 | 110,611 |
| 2 | Kedah | 3,288 | 661,496 |
| 3 | Kelantan | 679 | 442,748 |
| 4 | Melaka | 32,400 | 831,835 |
| 5 | Negeri sembilan | 437 | 241,922 |
| 6 | Pahang | 2,722 | 139,598 |
| 7 | Perak* | 572 | 44,676 |
| 8 | Perlis | 305 | 305,852 |
| 9 | Pulau pinang | 1,243 | 817,018 |
| 10 | Sabah | 14,337 | 1,670,847 |
| 11 | Sarawak | 14,275 | 102,728 |
| 12 | Selangor* | 6,856 | 677,024 |
| 13 | Terengganu | 987 | 104,750 |
| 14 | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* | 29 | 14,017 |
| 15 | Wilayah Persekutuan Kuala Labuan* | 7 | 352 |
| 14 | Wilayah Persekutuan Putrajaya* | 8 | 202 |
| | **JUMLAH** | **78,208** | **6,165,676** |

*Termasuk Perpustakaan yang diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Sumber: Perangkaan Perpustakaan Awam Negeri 2020, Bahagian Penyelidikan PNM.

# Program Membaca Perpustakaan Desa PNM

**STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PNM 2020**

| BIL. | NEGERI | BIL. PD | JUMLAH AKTIVITI | PENYERTAAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 37 | 1,838 | 25,838 |
| 2 | Kedah | 57 | 6,505 | 106,639 |
| 3 | Kelantan | 34 | 5,202 | 180,102 |
| 4 | Melaka | 28 | 7,972 | 196,645 |
| 5 | N.Sembilan | 60 | 6,985 | 118,578 |
| 6 | Pahang | 33 | 2,647 | 49,306 |
| 7 | Perak | 43 | 1,563 | 32,935 |
| 8 | Perlis | 36 | 3,710 | 56,351 |
| 9 | Pulau Pinang | 32 | 2,595 | 37,578 |
| 10 | Sabah | 51 | 1,128 | 23,970 |
| 11 | Sarawak | 38 | 3,474 | 44,023 |
| 12 | Selangor | 16 | 2,942 | 42,232 |
| 13 | Terengganu | 39 | 6,852 | 117,897 |
| 14 | WP Labuan | 3 | 709 | 13,633 |
| **JUMLAH** | | **507** | **54,122** | **1,045,727** |

Sumber: Perangkaan Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia (PD PNM 2020)

## GAMBAR PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PD PNM) 2020




Sumber: Gambar yang diterima daripada laporan program/aktiviti Perpustakaan Desa PNM

## GAMBAR PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PD PNM) 2020



Sumber: Gambar yang diterima daripada laporan program/aktiviti Perpustakaan Desa PNM

## GAMBAR PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PD PNM) 2020



Sumber: Gambar yang diterima daripada laporan program/aktiviti Perpustakaan Desa PNM

# Statistik Program Galakan Membaca Kebangsaan

**BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI GALAKAN MEMBACA DAN PENYERTAAN KHALAYAK SELURUH PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA PADA TAHUN 2020**

| PERPUSTAKAAN | BILANGAN PERPUSTAKAAN | PROGRAM/ AKTIVITI | PENYERTAAN (ORANG) |
|---|---|---|---|
| 1.Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) | 1 | 96 | 162,011 |
| 2. Komuniti | 5 | 40 | 2060 |
| 3. Perpustakaan Awam Negeri (PAN) | 919 | 78,208 | 6,165,676 |
| 4. Perpustakaan Desa | 507 | 54,122 | 1,045,727 |
| JUMLAH | 1,432 | 132,466 | 7,375,474 |

Sumber: Perangkaan 2020, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan dan statistik yang diterima oleh Bahgian Gerakan Literasi Maklumat tahun 2020.

## STATISTIK PERBANDINGAN PROGRAM/AKTIVITI KESELURUHAN DARI TAHUN 2009 HINGGA 2020

| TAHUN | PROGRAM/AKTIVITI | PENYERTAAN (ORANG) |
|---|---|---|
| 2009 | 8,798 | 1,700,000 |
| 2010 | 11,700 | 703,091 |
| 2011 | 25,962 | 2,485,925 |
| 2012 | 49,570 | 3,214,066 |
| 2013 | 59,040 | 3,495,317 |
| 2014 | 63,662 | 3,839,794 |
| 2015 | 81,792 | 4,494,386 |
| 2016 | 85,436 | 7,240,926 |
| 2017 | 98,254 | 10,058,821 |
| 2018 | 96,223 | 10,186,436 |
| 2019 | 114,860 | 10,860,177 |
| 2020 | 132,466 | 7,375,474 |
| **JUMLAH** | **827,763** | **65,654,413** |



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2687 1700
FAKS: 03-2694 2490

www.pnm.gov.my

PerpustakaanNegaraMalaysia

PNM_Rasmi

pnm_rasmi

pnmytube

PNMrasmi

pnmsaluransosial2